



Journal of Nusantara Studies (JONUS)

PENGLIBATAN KOMUNITI TEMPATAN DALAM KEUSAHAWANAN PELANCONGAN: KAJIAN KES PULAU PERHENTIAN, MALAYSIA

[*ENGAGEMENT OF LOCAL COMMUNITY IN TOURISM ENTREPRENEURSHIP: A CASE STUDY OF PERHENTIAN ISLAND, MALAYSIA*]

Norhafiza Md Sharif & Ku 'Azam Tuan Lonik

School of Distance Education,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Glugor, Pulau Pinang, Malaysia.

*Corresponding author: hafiza_sharif@yahoo.com

Received: 17 October 2017

Accepted: 25 April 2018

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat pemeraksanaan komuniti tempatan sebagai pengusaha pelancongan, serta menganalisa persepsi mereka terhadap impak ekonomi di Pulau Perhentian. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan 150 orang responden yang terdiri daripada komuniti tempatan yang terlibat sebagai pengusaha pelancongan dengan menggunakan prosedur persampelan jenis bertujuan dan bola salji. Hasil kajian mendapati majoriti pengusaha pelancongan tempatan adalah terdiri daripada lelaki, berumur 25 hingga 44 tahun, menerima pendidikan sehingga sekolah menengah dan berstatus berkahwin. Kebanyakan pengusaha menjalankan perniagaan selama 16 hingga 20 tahun dan memperoleh anggaran pendapatan bulanan RM1001 hingga RM2000. Kajian ini mendapati pembangunan sektor pelancongan di Pulau Perhentian berupaya: a) mengurangkan kadar pengangguran, b) memberi peluang pekerjaan kepada kaum wanita serta ibu tunggal, c) menyumbang kepada penglibatan komuniti tempatan dalam bidang keusahawanan pelancongan, d) menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk, e) menyumbang kepada pendapatan penduduk, f) menarik minat pelabur asing untuk melabur, dan g) mengurangkan kadar kemiskinan. Namun, komuniti turut terkesan oleh impak negatif daripada sektor pelancongan seperti: a) peningkatan harga barangan dan perkhidmatan, b) peningkatan kos sara hidup, dan c) peningkatan nilai hartanah dan kadar sewa tanah. Dalam masa yang sama, pengusaha terlibat mengharapkan kerjasama daripada pihak kerajaan dalam memainkan peranan dalam memajukan industri pelancongan pulau tersebut.

Kata kunci: Pemeraksanaan komuniti, penglibatan komuniti, keusahawanan pelancongan pulau, ciri keusahawanan, impak ekonomi

ABSTRACT

This study aims to examine the empowerment of local communities as tourism operators, as well as to analyze their perceptions of the economic impacts on Pulau Perhentian. The study used quantitative method involving 150 respondents comprising local communities working as tour operators. The respondents were recruited using purposive sampling and snowball technique. The findings reveal that the majority of tourism operators are male, aged between 25 to 44, with secondary level of education and married. Most of the operators have been managing their business for 16 to 20 years and have earned an estimated monthly income of RM1001.00 to RM2000.00. The study concludes that the tourism sector has contributed to: a) reducing unemployment rate, b) providing employment opportunities for women and single mothers, c) encouraging the involvement of local communities in the field of tourism entrepreneurial, e) generating income to communities, f) attracting foreign investors to invest, and g) reducing poverty rate. However, local communities are also affected by the negative impacts of the tourism sector such as: a) rising prices for goods and services, b) rising cost of living, and c) increasing the value of real estate and rental rates. This study is hoped to provide useful insights into the tourism entrepreneurship at Pulau Perhentian so that the government can take necessary actions in improving the sector.

Keywords: Community empowerment, community involvement, island tourism entrepreneurial, entrepreneurial characteristics, economic impact

Cite as: Md Sharif, N. & Tuan Lonik, K.A. (2018). Penglibatan komuniti tempatan dalam keusahawanan pelancongan: Kajian kes Pulau Perhentian, Malaysia [Engagement of local community in tourism entrepreneurship: A case study of Perhentian Island, Malaysia]. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1), 103-119. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp103-119>

1.0 PENGENALAN

Di Malaysia, sektor pelancongan merupakan pendorong utama dalam pembangunan sosioekonomi negara serta menjadi penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi selepas sektor pembuatan (Ibrahim & Abdul Razzaq, 2010). Menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10, 2011-2015), pembangunan sektor pelancongan telah diiktiraf sebagai salah satu pemangkin utama dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Areas-NKEA*) serta berfungsi sebagai pemacu aktiviti ekonomi yang berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. RMK 10 juga meletakkan Malaysia berada di kedudukan ke-16 dari segi pendapatan pelancongan global, iaitu dianggarkan kira-kira 2% daripada pasaran pelancongan global pada tahun 2008. Industri pelancongan turut memberi peluang kepada 1.7 juta pekerjaan atau kira-kira 16% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2008 (Unit Perancang Ekonomi, 2010).

Dalam tempoh RMK-10 juga, tumpuan diberikan untuk memperbaiki kedudukan Malaysia supaya menjadi antara 10 negara teratas dari segi pendapatan pelancongan global dan meningkatkan sumbangan sektor tersebut sebanyak 2.1 kali ganda. Bagi mencapai sasaran tersebut, tumpuan akan diberikan untuk menarik lebih ramai pelancong berbelanja tinggi dan memperluaskan pasaran daripada negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang tinggi terutamanya Rusia, India, China dan Timur Tengah, di samping meningkatkan bilangan ketibaan pelancong (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Menurut Ardahaey (2011), peningkatan jumlah ketibaan pelancong tempatan dan antarabangsa mempunyai impak yang penting terhadap struktur guna tenaga dalam industri pelancongan, terutamanya dalam sektor pemasaran pelancongan, perhotelan dan pengangkutan. Ini bermakna, kemasukan para

pelancong dapat mewujudkan pelbagai jenis produk dan aktiviti ekonomi di sesuatu kawasan pelancongan yang terlibat. Dengan meningkatnya produk-produk pelancongan, sektor pelancongan dapat menggalakkan komuniti tempatan untuk mengambil bahagian dalam industri pelancongan serta menyumbang kepada kewujudan pusat-pusat pertumbuhan baharu dan seterusnya mewujudkan bidang keusahawanan dalam kalangan komuniti tempatan (Ahmed & Jahan, 2013; Cloesen, 2007).

Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya sektor pelancongan dijadikan sebagai komoditi utama dalam agenda pembangunan negara (Ibrahim, 2006). Hal ini bertepatan dengan teras keseluruhan dasar dalam sektor pelancongan untuk mencapai pertumbuhan pelancongan yang mampan bagi merealisasikan potensi pekerjaan yang banyak bagi menjana pendapatan sama ada di peringkat tempatan, negeri dan negara. Dasar Pelancongan Negara juga bermatlamat untuk menjadikan industri pelancongan negara sebagai satu sektor utama, lestari, berdaya maju serta berkualiti dalam memberi sumbangan kepada pembangunan negara (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2014).

Secara umumnya, pembangunan destinasi pelancongan pulau mula mendapat perhatian selepas Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3, 1985-1990) di mana tumpuan diberikan kepada agenda pembangunan bagi memperkasakan pembangunan pulau di bahagian pantai timur Semenanjung Malaysia (Mapjabil et al., 2015). Dalam konteks pulau, ianya sering dikaitkan dengan ekosistem yang tertutup dan disempadani dengan ciri-ciri seperti saiz yang kecil serta lokasinya yang terpencil dan terasing daripada proses pembangunan (Ibrahim, 2007). Selain itu, kawasan pulau juga mempunyai tahap infrastruktur dan perkhidmatan yang rendah (Andriotis, 2000), serta tidak mempunyai kos untuk penambahbaikan akses dan pengangkutan yang lebih baik (Sheldon, Knox, & Lowry, 2005). Keadaan ini secara langsung turut menjejaskan aktiviti pelancongan di kawasan pulau yang terlibat. Penyelidikan yang memfokuskan kepada penglibatan komuniti dalam bidang keusahawanan pelancongan di Pulau Perhentian dilihat masih lagi berkurangan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan memfokuskan kepada pemberdayaan komuniti sebagai pengusaha pelancongan tempatan, serta menganalisa persepsi mereka terhadap impak ekonomi di Pulau Perhentian.

2.0 KAWASAN KAJIAN

Pulau Perhentian terletak lebih kurang 10.8 batu nautika (20 km) ke Timur Laut Kuala Besut dan pulau ini juga terletak dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Besut. Gugusan Pulau Perhentian merangkumi: a) Pulau Perhentian Besar, b) Pulau Perhentian Kecil dan c) Pulau Susu Dara dan pulau-pulau kecil yang lain. Namun, hanya dua buah pulau sahaja yang diduduki oleh komuniti tempatan iaitu Perhentian Besar dan Perhentian Kecil. Kedua-dua pulau tersebut juga telah diwartakan sebagai Taman Laut pada tahun 1994 (Majlis Daerah Besut, 2016).

Keluasan keseluruhan bagi Pulau Perhentian adalah 1,392.15 hektar. Terdapat kawasan pantai berpasir yang agak luas walaupun secara keseluruhannya diliputi oleh kawasan berbukit dan tebing di mana boleh mencapai setinggi 70 m hingga 300 m. Guna tanah utama Pulau Perhentian ialah penempatan pelancongan dan kawasan hutan. Terdapat hanya sebuah kawasan penempatan iaitu di kampung Pasir Hantu, Pulau Perhentian Kecil. Kawasan penempatan ini merangkumi kawasan seluas 9.87 hektar. Penempatan ini telah terlibat dengan Program Penyusunan Semula Kampung Nelayan Tradisional. Melalui program ini, pembinaan rumah dilaksanakan secara lebih teratur. Jumlah penduduk di Pulau Perhentian ialah kira-kira 1,300 orang dengan hampir 80% terlibat dengan sektor pelancongan, 20% di sektor awam dan perniagaan runcit (Majlis Daerah Besut, 2016).

Di Pulau Perhentian kecil, tarikan pelancong yang paling popular adalah Pasir Panjang yang terletak di pantai timur dan Teluk Aur di Pantai Barat. Pasir Panjang contohnya, terkenal dengan pantai berpasir halus putih dan perairan yang cetek dan berkristal. Hasilnya, kebanyakan penginapan di pulau tersebut tertumpu di Pasir Panjang. Keindahan alam semulajadi pulau dan pantai sekitar, yang kaya dengan terumbu karang dan pelbagai hidupan laut, telah menukar Pulau Perhentian Kecil kepada salah sebuah destinasi *backpacker* di Asia. Sebaliknya, terdapat tiga kawasan pelancongan utama di Pulau Perhentian Besar, iaitu Teluk Pauh, Tanjung Genting ke Teluk Keke dan Teluk Dalam (*Tourism Planning Research Group*, 2015). Kajian ini memilih Pulau Perhentian sebagai kawasan kajian kerana pulau tersebut merupakan salah sebuah pulau pelancongan yang sedang pesat membangun di Malaysia serta mempunyai komuniti yang mendiami kawasan pulau tersebut.

3.0 SOROTAN KAJIAN

3.1 Keusahawanan

Sehingga hari ini tiada satu definisi yang benar-benar tepat yang boleh diterima terhadap istilah pengusaha kerana perkataan ini berkembang seiring dengan perkembangan teori. Berdasarkan kepada ringkasan pembangunan Teori Keusahawanan yang diterangkan oleh Ab Latif (2011), pengusaha ialah individu yang kedudukannya adalah di antara pembekal dan pengguna. Definisi ini berubah menjadi seseorang yang sanggup menanggung risiko untung dan rugi akibat kontrak dengan kerajaan pada harga tetap pada kurun ke-17. Bula (2012) menambah bahawa pengusaha adalah seseorang yang sanggup menghadapi risiko, penyelarasan dan penganjur, pemimpin dan pencipta yang kreatif.

Schumpeter (1934) turut menyumbang kepada teori keusahawanan di mana menurut beliau, keusahawanan adalah penggerak utama pembangunan ekonomi serta inovasi yang berperanan sebagai elemen utama. Menurut Schumpeter, usahawan merupakan inovator yang menjalankan gabungan baru, yang boleh: a) memperkenalkan barangan baru atau kualiti barangan, b) memperkenalkan kaedah baru terhadap sesuatu pengeluaran yang belum dicuba dalam industri, c) membuka pasaran baru, d) menggunakan bekalan sumber baru dan e) menjalankan beberapa bentuk organisasi industri baru.

3.2 Pengusaha pelancongan

Definisi pengusaha mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka, Kamus Pelajar Edisi Kedua bermaksud seseorang yang mengusahakan sesuatu badan perusahaan. Manakala, pengusaha pelancongan boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang mencipta sebuah perusahaan pelancongan yang didorong oleh sebab-sebab kewangan dan bukan kewangan untuk meneruskan peluang pasaran (Koh & Hatten, 2002). Selain itu, pengusaha pelancongan ditakrifkan sebagai seseorang yang mencipta sesuatu perusahaan pelancongan untuk mengeksploitasi peluang keusahawanan dalam industri pelancongan dalam usaha untuk memenuhi matlamatnya (Storey & Greene, 2010). Secara umumnya, perusahaan pelancongan merangkumi perniagaan seperti pengangkutan, penginapan, agen pelancongan, promosi pelancongan dan pengiklanan, insurans dan kewangan, makanan dan minuman, hiburan, taman alam semulajadi dan sebagainya (Uriely, Yonay, & Simchai, 2002).

3.3 Pemeraksanaan dan penglibatan komuniti dalam keusahawanan pelancongan

Cole (2006) mendefinisikan pemeraksanaan sebagai individu atau kumpulan yang mempunyai keupayaan untuk menentukan hal mereka sendiri dan akan berlakunya proses membina yang

akan membantu orang ramai untuk mengawal faktor-faktor yang memberi kesan kepada kehidupan mereka. Pemerksaan juga berperanan untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan komuniti dalam sesebuah pembangunan serta menentukan urusan mereka sendiri (Tosun & Timothy, 2003).

Dalam konteks pelancongan, pemerksaan merujuk kepada satu proses yang membolehkan komuniti untuk mendapatkan kuasa untuk memenuhi keperluan mereka, membuat keputusan, mengambil tindakan serta mencapai keadilan sosial (Okazaki, 2008; Cole, 2006). Kenyataan ini turut disokong oleh Scheyvens (2000) yang menyatakan bahawa pendekatan pemerksaan dalam sektor pelancongan memerlukan penglibatan komuniti supaya mereka dapat mengawal pembangunan pelancongan serta tidak memusnahkan sumber-sumber dan nilai-nilai di destinasi pelancongan yang terlibat.

Menurut Brohman (1996), pemerksaan komuniti dalam konteks pelancongan membolehkan mereka menentukan matlamat mereka sendiri serta menentukan harapan dan kebimbangan mereka terhadap pembangunan pelancongan di kawasan mereka. Selain itu Guzman, Canizares, dan Pavon (2011) menyenaraikan matlamat pemerksaan komuniti kepada tiga tujuan yang utama iaitu a) menjadikan komuniti sebagai sebahagian daripada produk pelancongan, b) menyesuaikan komuniti kepada perubahan, dan c) membantu membuka minda komuniti setempat.

3.4 Impak ekonomi daripada sektor pelancongan

Pertumbuhan sektor pelancongan boleh menyebabkan berlakunya impak positif dan negatif ke atas komuniti (Gursoy & Rutherford, 2004) terutama di kawasan pulau-pulau kecil kerana cirinya yang unik seperti ruang yang terhad, jumlah bahan mentah yang sedikit, serta jumlah tenaga kerja yang terhad. Tidak dinafikan bahawa sektor pelancongan dapat menyumbang kepada manfaat ekonomi kerana ia berupaya mewujudkan peluang pekerjaan (Ahmed & Jahan, 2013; Sharpley & Forster, 2003) dan penjanaan pendapatan (Briedenhann & Wickens, 2004; Chifamba, 2013; Eshliki & Kaboudi, 2012). Selain itu, sektor pelancongan juga dapat mewujudkan peluang dalam aktiviti keusahawanan (Ahmed & Jahan, 2013; Cloesen, 2007) serta membantu golongan pengusaha yang berpotensi untuk mencari peluang dalam membangunkan produk dan perkhidmatan pelancongan baru (Chiutsi & Mudzengi, 2012; Lordkipanidze, 2002). Selain itu, penglibatan komuniti dalam aktiviti pelancongan secara langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan komuniti setempat dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan komuniti (Magigi & Ramadhani, 2013; Zaei & Zaei, 2013). Kadar kemiskinan dalam kalangan komuniti perlu dibasmi bagi memastikan kualiti hidup mereka berada dalam keadaan yang baik. Oleh itu, sektor pelancongan dilihat berpotensi dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti di sesuatu kawasan yang terlibat (Satarat, 2010).

Namun begitu, sektor pelancongan juga dapat memberikan impak negatif terhadap komuniti di sesebuah kawasan pelancongan. Di kawasan yang terlalu pesat, pembangunan pelancongan akan menyebabkan berlakunya peningkatan harga barangan (Tatoglu et al., 2000). Selain daripada harga barangan yang meningkat naik, kadar sewa perkhidmatan yang disediakan juga agak tinggi jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain. Permintaan untuk perkhidmatan penginapan juga dilihat semakin meningkat terutama pada musim cuti, selain meningkatkan kadar sewa serta harga tanah (Haley, Snaith, & Miller, 2004). Menurut Ibrahim (2006), komuniti tempatan seringkali dikatakan terpinggir apabila kapasiti pembangunan yang dibawa adalah di luar kemampuan mereka. Beliau mendapati hanya segelintir sahaja dari kalangan komuniti tempatan yang benar-benar bersedia memperolehi manfaat yang

sewajarnya, manakala pelbagai peluang yang dianggap menguntungkan telah dimonopoli oleh pengusaha-pengusaha dari luar.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pengumpulan data

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan 150 orang responden yang terdiri daripada pengusaha pelancongan tempatan. Jumlah responden ini diperoleh secara langsung melalui kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan kepada penduduk tempatan yang bekerja sebagai pengusaha pelancongan di Pulau Perhentian. Hal ini kerana, pengkaji tidak memperoleh senarai atau jumlah sebenar pengusaha pelancongan tempatan kerana kebanyakan daripada mereka didapati tidak berdaftar dengan pihak berkuasa berikutan skala perniagaan mereka yang kecil.

Oleh yang demikian, pengkaji memilih teknik Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling technique*) dengan membuat pemilihan sampel yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja sebagai responden. Teknik Persampelan Bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek dipilih sebagai responden kajian berdasarkan ciri-ciri khusus sahaja dan keputusan kajian akan mewakili kesemua responden yang terlibat dalam populasi tersebut. Menurut Yusof (2003), pemilihan subjek yang menggunakan kaedah Persampelan Bertujuan dilakukan dengan memilih subjek berdasarkan kategori-kategori yang dianggap wujud dalam populasi. Memandangkan kajian ini tidak mempunyai maklumat senarai daftar yang khusus tentang pengusaha tempatan yang terlibat dalam sektor pelancongan di Pulau Perhentian, maka kajian ini menggunakan teknik Persampelan Bertujuan. Dalam kajian ini, hanya pengusaha pelancongan tempatan yang menepati ciri-ciri yang telah ditetapkan sahaja yang akan dipilih sebagai responden. Menurut Reinard (2001) dalam menggunakan teknik Persampelan Bertujuan, penyelidik juga perlu mempertimbangkan sewajarnya terhadap aspek jumlah populasi, sumber maklumat yang terhad, kos pengumpulan data, keluasan kawasan dan tempoh masa yang terlibat.

Melalui teknik Persampelan Bertujuan ini, penyelidik telah pergi ke destinasi pelancongan di Pulau Perhentian untuk menemui pengusaha tempatan dan mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang menepati kriteria yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Antara kriteria-kriteria utama yang telah digariskan untuk memilih responden ialah seperti a) merupakan komuniti tempatan (penduduk asal) di Pulau Perhentian, b) berumur lebih 18 tahun, c) pemilik premis atau perusahaan, d) merupakan pengusaha tempatan (bukan pengusaha luar pulau atau warga asing), dan e) menjalankan perusahaan yang terlibat dalam sektor pelancongan. Penyelidik akan meneruskan kerja-kerja pengedaran borang soal selidik kepada responden sekiranya memenuhi ciri-ciri responden yang telah ditetapkan.

Selain menggunakan kaedah Persampelan Bertujuan, kaedah Persampelan Bola Salji (*Snowball sampling*) turut digunakan dalam kajian ini. Melalui persampelan ini, responden akan diminta untuk mencadangkan responden lain yang turut mempunyai ciri-ciri yang sama. Setelah responden diberi borang soal selidik untuk dijawab, mereka akan diminta untuk memaklumkan atau menamakan pengusaha-pengusaha tempatan lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Kaedah persampelan ini akan dilakukan berterusan sehingga pengkaji memperoleh kesemua responden yang dikehendaki. Kebanyakan responden yang ditemui memberikan kerjasama yang baik dengan mencadangkan serta menunjukkan lokasi pengusaha-pengusaha lain yang terlibat dalam sektor pelancongan di kawasan perusahaan mereka.

4.2 Borang soal selidik

Pada peringkat ini, pengkaji mengumpulkan data dengan menggunakan borang soal selidik daripada sampel kajian yang terdiri daripada pengusaha pelancongan tempatan di Pulau Perhentian. Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat profil responden, bahagian kedua merangkumi soalan yang berkaitan dengan penglibatan komuniti dalam perusahaan pelancongan, manakala bahagian ketiga terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan persepsi responden terhadap impak ekonomi daripada sektor pelancongan.

Pengedaran borang selidik juga turut disertakan dengan surat pengenalan supaya responden memahami tujuan kajian dan dapat memberi kerjasama sepenuhnya. Pengedaran borang soal selidik dilakukan dengan berkunjung secara langsung ke premis-premis perniagaan. Kaedah temuramah secara bersemuka (*face-to-face interview*) dan kaedah meninggalkan borang soal selidik kepada responden (*drop-off survey*) telah digunakan dalam kajian ini.

Lokasi persampelan dalam kajian ini meliputi seluruh destinasi pelancongan di Pulau Perhentian. Daripada pemerhatian penyelidikan, destinasi pelancongan di Pulau Perhentian bertumpu di sepanjang kawasan pantai kerana ia menjadi tumpuan utama pelancong yang datang ke pulau tersebut. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada kawasan pantai (Pulau Perhentian Kecil, Pulau Perhentian Besar dan *Long Beach*) sebagai lokasi utama persampelan kajian dan semua pengusaha tempatan yang terlibat dalam sektor pelancongan merupakan responden dalam kajian ini.

4.3 Analisis data

Dalam kajian ini, perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS 22 for Windows)* digunakan dalam proses penganalisan. Perisian ini digunakan bagi menganalisis data-data secara statistik, kemudian diolah secara ringkas bagi mendapatkan hasil berdasarkan keperluan analisis. Kajian ini menggunakan kaedah analisis statistik kekerapan (*frequencies*), peratus (%) ujian kebolepercayaan (*reliability test*) dan analisis faktor (*factor analysis*).

Analisis faktor digunakan untuk mengenalpasti faktor yang dapat menjelaskan korelasi antara pembolehubah yang terlibat serta mencari kekuatan hubungan antara pembolehubah. Menurut Chua (2006), analisis faktor merupakan prosedur yang sering digunakan untuk mengenalpasti, mengurang serta menyusun sebilangan besar item soal selidik ke dalam konstruk-construct tertentu di bawah suatu variabel bersandar dalam kajian. Analisis faktor menggunakan kaedah *Exploratory Factor Analysis (EFA)* untuk menguji kesahan hubungan dan mengukur kekuatan kolerasi setiap pemboleh ubah dalam membentuk struktur kelompok pendam yang baru. Sekiranya nilai KMO yang diperoleh adalah lebih besar daripada 0.05, maka pembolehubah yang terlibat sesuai untuk dijalankan analisis faktor. Begitu juga dengan ujian *Bartlett's* yang menunjukkan nilai yang signifikan di mana nilai- $p = 0.000$ lebih kecil daripada aras signifikan ($\alpha = 0.05$).

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Profil demografi

Ringkasan profil responden ditunjukkan dalam Jadual 1. Hasil kajian mendapati penglibatan komuniti sebagai pengusaha pelancongan dimonopoli oleh golongan lelaki (143 atau 95.3%), manakala wanita menyumbang 7 atau 4.7%. Dapatan ini menyokong kajian yang dijalankan

oleh Ahmad (2005) dan Sharma (2013), namun berbeza dengan kajian Getz dan Petersen (2005). Dalam kajian ini, penglibatan lelaki dilihat lebih besar disebabkan oleh pengaruh tradisi budaya di mana kaum lelaki menikmati lebih banyak kelebihan berbanding wanita dalam bidang perusahaan, memandangkan peranan kaum lelaki sebagai ketua keluarga dan pembuat keputusan. Manakala, penglibatan kaum wanita dilihat kurang menyerlah dalam bidang keusahawanan pelancongan berikutan kurangnya keyakinan diri untuk menjalankan perusahaan serta faktor masa memandangkan kaum wanita dilihat mengambil peranan dalam menguruskan urusan rumahtangga.

Selain itu, kebanyakan responden yang terlibat sebagai pengusaha pelancongan tempatan di Pulau Perhentian terdiri daripada 100% berbangsa Melayu memandangkan mereka merupakan penduduk asal yang mendiami kawasan pulau tersebut. Dari segi umur, kebanyakan (72 atau 48%) pengusaha pelancongan tempatan yang terlibat adalah dalam kategori umur 25 hingga 44 tahun. Manakala 40 atau 26.7% responden berumur 55 hingga 64 tahun, dan diikuti dengan 37 atau 24.7% responden berumur 45 hingga 54 tahun. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa komuniti yang terlibat sebagai pengusaha pelancongan terdiri daripada mereka yang aktif dari segi ekonomi memandangkan umur mereka berada dalam kategori 25 hingga 64 tahun. Malah, golongan umur tersebut juga merupakan golongan yang masih menanggung keluarga. Hasil kajian ini menyokong kajian Avcikurt (2003) yang menyatakan bahawa kebanyakan umur pengusaha berada dalam kategori umur pertengahan dan lebih dewasa iaitu 25 hingga 50.

Dari segi tahap pendidikan, majoriti (85 atau 56.7%) responden menamatkan pendidikan pada tahap sekolah menengah, 52 atau 34.7% menamatkan pendidikan pada peringkat sekolah rendah, manakala 3 atau 2% mempunyai sijil/diploma. Namun, terdapat juga 10 atau 6.7% responden yang tidak bersekolah. Berdasarkan beberapa pendapat daripada responden, mereka menyatakan bahawa mereka tidak berminat untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana mereka lebih mementingkan pengalaman dalam perniagaan berbanding tahap pendidikan yang tinggi. Selain itu, mereka berpendapat bahawa untuk menjadi seorang pengusaha, tidak memerlukan kelulusan yang tinggi kerana yang penting adalah modal, minat serta pengalaman mengendalikan perniagaan. Hasil kajian ini juga dilihat menyokong kajian Morrison dan Teixeira (2004). Selain itu, kajian Lerner dan Haber (2000) juga mendapati bahawa tahap pendidikan yang tinggi tidak menyumbang kepada prestasi dalam perniagaan sektor pelancongan.

Dari segi taraf perkahwinan, kebanyakan (133 atau 88.7%) responden terdiri daripada mereka yang telah berkahwin berbanding (8 atau 5.3%) responden yang berstatus duda, 5 orang atau 3.3 berstatus janda dan 4 atau 2.7% yang masih bujang. Hasil kajian ini menyokong kajian Banki dan Ismail (2015) dan Jaafar, Dahalan, dan Mohd Rosdi (2014), yang mendapati kebanyakan pengusaha sektor pelancongan terdiri daripada komuniti yang telah berkahwin. Menurut Adegbite et al. (2006), pengusaha yang telah berkahwin didapati lebih bekerja keras dan bijak dalam menguruskan perniagaan berbanding pengusaha yang berstatus 'bercerai' kerana ia dipengaruhi oleh faktor tanggungjawab dan komitmen terhadap keluarga mereka.

5.2 Profil perusahaan

Ringkasan profil perusahaan ditunjukkan dalam Jadual 1. Dari segi jenis aktiviti perusahaan yang dijalankan, didapati majoriti (54 atau 36%) responden mengusahakan perkhidmatan pengangkutan bot (*taxi*), diikuti dengan 35 atau 23.4% responden mengusahakan perniagaan kedai atau gerai makanan dan minuman, 19 atau 12.7% menjalankan perniagaan perkhidmatan bot dan peralatan aktiviti air, 17 atau 11.3% menjalankan perniagaan kedai runcit, 10 atau 6.7%

responden mengusahakan kedai cenderahati, 9 atau 6% mengusahakan perniagaan perkhidmatan sewa van pelancongan dan selebihnya 6 atau 4% menjalankan perniagaan perkhidmatan penginapan atau chalet.

Kebanyakan (54 atau 36%) responden mengusahakan perniagaan mereka selama 16 hingga 20 tahun, diikuti dengan (38 atau 25.3%) responden yang menjalankan perniagaan selama 6 hingga 10 tahun. Terdapat juga (34 atau 22.7%) responden yang mengusahakan perusahaan mereka selama 11 hingga 15 tahun, 10 atau 5.7% menjalankan perniagaan 5 tahun ke bawah, dan selebihnya 5 atau 3.3% responden menjalankan perniagaan lebih 26 tahun di Pulau Tioman.

Dari segi pendapatan bulanan, kebanyakan (63 atau 42%) responden memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM1001-RM2000, diikuti dengan (36 atau 24%) responden yang memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM2001-RM4000. Terdapat juga 26 atau 17.3% responden yang hanya memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM1000 dan ke bawah. Selain itu, terdapat juga 8 atau 5.3% responden berpendapatan bulanan sebanyak RM4001-RM5000, dan selebihnya 17 atau 11.3% menerima pendapatan bulanan sebanyak RM5001 dan ke atas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan komuniti tempatan dalam bidang keusahawanan pelancongan dapat menyumbang ke arah pengurangan kadar kemiskinan dan dapatan kajian ini disokong oleh kajian (Fons, Fierro, & Patino, 2011; Magigi & Ramadhani, 2013; Zaei & Zaei, 2013; Lordkipanidze, Brezet, & Backman, 2005; Surugiu, 2009).

Jadual 1: Profil responden

Pembolehubah	Kriteria	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	143	95.3
	Perempuan	7	4.7
Umur	25-44	72	48.0
	45-54	37	24.7
	55-64	40	26.7
	65 dan ke atas	1	0.7
Tahap pendidikan	Tidak Bersekolah	10	6.7
	Sekolah Rendah	52	34.7
	Sekolah Menengah	85	56.7
	Siljil / Diploma	3	2.0
Taraf perkahwinan	Bujang	4	2.7
	Berkahwin	133	88.7
	Janda	5	3.3
	Duda	8	5.3
Jenis aktiviti perusahaan	Bot pelancongan	54	36
	Chalet / resort	6	4.0
	Gerei cenderahati	10	6.7
	Perkhidmatan bot dan peralatan aktiviti air	19	12.7
	Kedai makan/minum	35	23.4
	Pemandu van pelancongan	9	6.0
	Kedai runcit	17	11.3
Tempoh lama menjalankan perusahaan	5 tahun dan ke bawah	10	6.7
	6 - 10 tahun	54	36.0
	11 - 15 tahun	34	22.7
	16 - 20 tahun	38	25.3
	21 - 25 tahun	9	6.0
	26 tahun dan ke atas	5	3.3

Anggaran	RM1000 dan ke bawah	26	17.3
pendapatan	RM1001 - RM2000	63	42.0
bulanan	RM2001 - RM4000	36	24.0
	RM4001 - RM5000	8	5.3
	RM5001 dan ke atas	17	11.3

5.3 Bentuk penglibatan

Jadual 2 menunjukkan majoriti 92 atau 61.3% responden menyatakan bahawa faktor penglibatan mereka sebagai pengusaha pelancongan adalah untuk memperoleh pendapatan yang lumayan. Hasil ini juga dikuatkan lagi dengan hasil kajian (Akbaba, 2012; Banki & Ismail, 2015; Getz & Petersen, 2005; Szivas, 2001), di mana penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan adalah untuk memperoleh pendapatan yang lumayan. Seterusnya, 40 atau 26.7% responden menyatakan bahawa penglibatan mereka dalam keusahawanan pelancongan kerana sektor pelancongan merupakan sumber pekerjaan utama di pulau tersebut. Hal ini kerana tidak terdapat banyak pilihan pekerjaan di kawasan kepulauan melainkan sektor pelancongan. Selain itu, terdapat 16 atau 10.7% responden yang menyatakan faktor penglibatan mereka adalah kerana persekitaran pekerjaan yang lebih selesa. Hal ini kerana, masa bekerja mereka lebih fleksibel dan tidak terikat dengan mana-mana pihak memandangkan mereka sendiri merupakan pemilik atau pengusaha bagi kegiatan perusahaan yang dijalankan. Selebihnya 2 atau 1.3% responden dilihat berminat dengan bidang keusahawanan pelancongan kerana memandangkan mereka tidak suka bekerja makan gaji.

Jadual 2: Faktor-faktor penglibatan

Pembolehubah	Kriteria	Kekerapan	Peratus (%)
Faktor penglibatan dalam keusahawanan pelancongan	Pendapatan yang lumayan	92	61.3
	Persekitaran pekerjaan yang lebih selesa	16	10.7
	Sektor pelancongan merupakan pekerjaan utama di pulau	40	26.7
	Minat dalam perniagaan	2	1.3
	Jumlah	150	100.0

5.4 Persepsi terhadap impak ekonomi

Dalam bahagian ini, analisis faktor digunakan untuk menganalisis impak ekonomi yang diterima oleh pengusaha tempatan di Pulau Perhentian yang terdiri daripada 10 item. Jadual 3 menunjukkan keputusan ujian KMO adalah 0.839. Manakala, ujian *Bartlett's* menunjukkan nilai yang signifikan di mana nilai- $\rho = 0.000$ lebih kecil daripada aras signifikan ($\alpha = 0.05$) ($\chi^2 = 1360.006$, $df = 45$, $sig. \rho < 0.05$).

Hasil analisis faktor juga mendapati pembolehubah-pembolehubah impak ekonomi telah dikelompokkan ke dalam 2 faktor utama dan ini ditunjukkan oleh nilai eigen di mana terdapat 2 nilai eigen yang lebih besar daripada 1. Nilai eigen bagi Faktor 1 ialah 5.29 dan Faktor 2 ialah 2.17. Peratusan varians yang diperolehi untuk Faktor 1 ialah 52.95%, Faktor 2 ialah 21.78%. Seterusnya, putaran *varimax* yang dilakukan ke atas 10 pembolehubah impak ekonomi telah menghasilkan 2 faktor yang telah diekstrakkan. Faktor 1 (impak positif) merangkumi sebanyak 7 item, manakala Faktor 2 (impak negatif) terdiri daripada 3 item.

Jadual 3: Analisis faktor bagi pembolehubah persepsi terhadap impak ekonomi

Persepsi terhadap impak ekonomi	Beban faktor	
	Faktor 1: Positif	Faktor 2: Negatif
Mengurangkan kadar pengangguran	0.953	
Peluang kepada kaum wanita serta ibu tunggal	0.934	
Menyumbang kepada penglibatan penduduk tempatan dalam bidang keusahawanan pelancongan	0.895	
Menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan	0.841	
Menyumbang kepada pendapatan penduduk	0.827	
Menarik minat pelabur asing untuk melabur dalam sektor pelancongan	0.591	
Mengurangkan kadar kemiskinan penduduk	0.582	
Harga barangan dan perkhidmatan semakin mahal		0.962
Meningkatkan kos sara hidup		0.913
Nilai hartanah meningkat		0.848
<i>Eigenvalues</i>	5.295	2.178
<i>% of Variance Explained</i>	52.951	21.784
<i>Cumulative %</i>	52.951	74.735
<i>Cronbach's Alpha</i>	0.919	0.916
<i>Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy</i>		0.839
<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>		1360.006
<i>df</i>		45
<i>Sig.</i>		0.000

Dari segi impak positif, hasil kajian mendapati sektor pelancongan di Pulau Perhentian berupaya a) mengurangkan kadar pengangguran, b) memberi peluang pekerjaan kepada kaum wanita serta ibu tunggal, c) menyumbang kepada penglibatan komuniti tempatan dalam bidang keusahawanan pelancongan, d) menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, e) menyumbang kepada pendapatan penduduk, f) menarik minat pelabur asing untuk melabur dalam sektor pelancongan, dan g) mengurangkan kadar kemiskinan penduduk. Namun, komuniti yang terlibat sebagai pengusaha pelancongan juga didapati turut terkesan oleh impak negatif daripada sektor pelancongan seperti a) peningkatan harga barangan dan perkhidmatan, b) peningkatan kos sara hidup, dan c) peningkatan nilai hartanah dan kadar sewa tanah.

Tidak dinafikan bahawa sektor pelancongan dapat menyumbang kepada manfaat ekonomi kerana ia berupaya mewujudkan peluang pekerjaan (Ahmed & Jahan, 2013; Tao & Wall, 2009) dan penjana pendapatan (Briedenhann & Wickens, 2004; Chifamba, 2013; Eshliki & Kaboudi, 2012) dan seterusnya dapat mewujudkan bidang keusahawanan baru (Ahmed & Jahan, 2013; Cloesen, 2007) serta membantu golongan pengusaha yang berpotensi untuk mencari peluang dalam membangunkan produk dan perkhidmatan pelancongan baru (Chiutsi & Mudzengi, 2012).

Dengan melibatkan diri dalam aktiviti pelancongan, ia juga dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan masyarakat setempat (Goodwin & Santilli, 2009; Vehbi, 2012) dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan (Magigi & Ramadhani, 2013; Zaei & Zaei, 2013). Kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat perlu dibasmi bagi memastikan kualiti hidup mereka berada dalam keadaan yang baik, dan lantaran itu dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk di sesuatu kawasan yang terlibat (Kim, 2002; Kokkranikal, McLellan, & Bau, 2003; Liu, 2006; Satarat, 2010). Namun itu, Faulkenberry et al. (2000), juga mendapati bahawa komuniti tempatan turut terkesan dengan impak negatif akibat pembangunan sektor pelancongan. Antara kesan negatif dari segi ekonomi adalah seperti kenaikan kos hidup, harga barangan dan perkhidmatan, harga tanah serta rumah.

6.0 RUMUSAN

Kajian ini dijalankan di Pulau Perhentian dengan memberi perhatian kepada pemerkasaan komuniti tempatan dalam bidang keusahawanan pelancongan dan seterusnya menilai persepsi komuniti yang terlibat terhadap impak ekonomi daripada pembangunan sektor pelancongan. Dari segi penglibatan komuniti dalam perusahaan, sektor pelancongan di Pulau Perhentian dimonopoli oleh golongan lelaki berbanding wanita. Pengusaha pelancongan tempatan yang terlibat juga terdiri daripada 100% berbangsa Melayu yang juga merupakan golongan majoriti di pulau tersebut. Selain itu, majoriti pengusaha pelancongan yang terlibat juga terdiri daripada komuniti yang berumur 25 hingga 44 tahun iaitu merupakan golongan yang aktif dari segi ekonomi serta menanggung keperluan keluarga. Dari segi tahap pendidikan, kajian ini merumuskan bahawa kebanyakan komuniti yang terlibat sebagai pengusaha pelancongan telah menerima pendidikan pada tahap sekolah menengah. Namun, mereka lebih mementingkan aspek pengalaman dalam bidang perniagaan sekiranya ingin menjadi seorang pengusaha pelancongan. Dari segi taraf perkahwinan pula, kajian ini mendapati majoriti pengusaha yang terlibat mempunyai status berkahwin.

Dari segi penglibatan komuniti tempatan dalam perusahaan pelancongan, kajian ini merumuskan bahawa majoriti pengusaha yang terlibat menjalankan perusahaan perkhidmatan pengangkutan bot memandangkan ianya merupakan pengangkutan utama bagi pelancong serta penduduk yang berada di pulau tersebut untuk bergerak ke sesuatu destinasi. Di Pulau Perhentian, bot juga dipanggil (*taxi*) oleh penduduk tempatan. Kebanyakan pengusaha yang terlibat telah menjalankan perusahaan mereka selama 16 hingga 20 tahun. Tempoh masa ini menunjukkan bahawa pengusaha yang terlibat telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran serta risiko dalam mengendalikan perniagaan mereka meskipun hanya menjalankan perniagaan secara kecil-kecil serta terpaksa menghadapi persaingan daripada pengusaha-pengusaha pelancongan yang lain.

Dari segi pendapatan bulanan, kebanyakan pengusaha menerima anggaran pendapatan bulanan sebanyak RM1001 hingga RM2000 dan ini menunjukkan bahawa sektor pelancongan mampu menyumbang kepada peluang pekerja serta menjana pendapatan kepada komuniti tempatan yang terlibat. Malah, kajian ini juga merumuskan bahawa faktor utama penglibatan komuniti tempatan dalam perusahaan pelancongan adalah untuk memperoleh pendapatan yang lumayan, memandangkan sektor pelancongan merupakan penyumbang kepada sektor perkhidmatan serta berpotensi untuk membangunkan kapasiti masyarakat (*community capacity*) dan pada masa yang sama dapat memperkasakan komuniti dalam bidang keusahawanan.

Secara keseluruhannya, penglibatan komuniti tempatan sebagai pengusaha pelancongan dilihat memberi kesan yang positif. Sektor pelancongan dilihat mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta dapat meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti tempatan. Dalam kajian ini, transformasi dalam pembangunan keusahawanan pelancongan dapat dilihat melalui kepelbagaian aktiviti ekonomi penduduk, peluang untuk memasarkan hasil produk tempatan serta mengusahakan perniagaan lain yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan.

Selain itu, transformasi yang berlaku dalam pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian, dapat dilihat melalui peranannya dalam a) mengurangkan kadar pengangguran, b) memberi peluang pekerjaan kepada kaum wanita serta ibu tunggal, c) menyumbang kepada penglibatan komuniti tempatan dalam bidang keusahawanan pelancongan, d) menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, e) menyumbang kepada pendapatan penduduk, f) menarik minat pelabur asing untuk melabur dalam sektor pelancongan, dan g) mengurangkan

kadar kemiskinan penduduk. Namun, transformasi pembangunan pelancongan yang berlaku juga turut memberi impak negatif seperti a) peningkatan harga barangan dan perkhidmatan, b) peningkatan kos sara hidup, dan c) peningkatan nilai hartanah dan kadar sewa tanah.

Walaupun kebanyakan daripada pengusaha yang terlibat menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan, namun mereka dilihat mempunyai semangat dan kesungguhan dalam meneruskan aktiviti ekonomi yang menjadi sumber pendapatan utama mereka. Komuniti tempatan juga dilihat mempunyai kesedaran untuk mengambil apa sahaja peluang keusahawanan yang ada melalui sektor pelancongan kerana ia mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan untuk masa hadapan. Hal ini dapat dilihat melalui perubahan bidang pekerjaan, di mana sebelum sektor pelancongan dimajukan, majoriti komuniti tempatan terlibat dalam pekerja seperti nelayan dan petani. Ini menunjukkan bahawa proses transformasi pembangunan sosioekonomi di Pulau Perhentian telah memberikan satu perubahan yang positif terhadap komuniti yang terlibat dan ianya perlu dikekalkan untuk menjamin kelestarian pembangunan pada masa hadapan supaya generasi muda turut berpeluang menikmati kemajuan pembangunan yang sedia ada.

Usaha memperkasakan penduduk tempatan, adalah penting untuk memastikan bahawa pembangunan ekonomi yang berlaku mempunyai impak yang besar kepada struktur pekerjaan komuniti tempatan. Konsep Keusahawanan Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community Based Tourism Entrepreneurship*) sangat menekankan penyertaan aktif daripada komuniti setempat dalam sektor pelancongan. Selain itu, semua pihak sama ada pihak kerajaan, swasta, *Non Government Organisation* (NGO) mahupun komuniti tempatan itu sendiri perlu sentiasa melakukan perubahan yang positif agar komuniti pulau tidak lagi dianggap sebagai golongan yang pasif serta terpinggir dalam arus pembangunan. Malah, kerjasama di antara semua pihak penting agar pembangunan dapat dijalankan tanpa sebarang masalah dan dilakukan secara berterusan. Justeru itu pembangunan pelancongan pulau ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pencapaian pembangunan ekonomi yang menyeluruh dan terus diterima oleh komuniti tempatan yang terlibat selari dengan impak positif yang diterima oleh mereka.

Kajian yang dijalankan ini dapat menyumbang kepada pembangunan negara melalui perancangan pihak kerajaan dalam memajukan sektor pelancongan negara. Kajian ini juga penting bagi mengkaji sumbangan sektor pelancongan dalam peningkatan kualiti hidup komuniti tempatan dan ini bertepatan dengan Dasar Pelancongan Negara yang bertujuan untuk menjadikan industri pelancongan sebagai salah satu sumber pendapatan utama bagi pembangunan negara. Selain itu, pembangunan dan penyelidikan (*Research and Development*, R&D) haruslah dipergiatkan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan, kualiti serta memastikan kelestarian dalam sektor pelancongan. Disamping itu, kajian ini juga dapat dijadikan rujukan kepada pihak Kementerian Pelancongan Malaysia dalam usaha menjalankan kajian dan penyelidikan yang berkaitan pelancongan selain memantau pelaksanaan Dasar Pelancongan Negara (DPN) yang berkaitan dengan aspek struktur organisasi, produk, pemasaran, guna tenaga, pengangkutan, petunjuk pelancongan, sosio budaya dan makro ekonomi.

RUJUKAN

- Ab Latif, A.A. (2011). *Asas keusahawanan dan pengurusan perniagaan kecil dan sederhana*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Adegbite, S.A.I., Ilori, M.O., Irefin, I.A., Abereijo, I.O.I., & Aderemi, H.O.S. (2006). Evaluation of the impact of entrepreneurial characteristics on the performance of small

- scale manufacturing industries in Nigeria. *Journal of Asia Entrepreneurship and Sustainability*, 3(1), 1-22.
- Ahmad, G. (2005). Small firm owner-managers networks in tourism and hospitality. *International Journal of Business and Society*, 4(2), 37-55.
- Ahmed, I. & Jahan, N. (2013). Rural tourism-prospects in rustic Bengal. *European Journal of Business and Management*, 5(16), 163-172.
- Akbaba, A. (2012). Understanding small tourism businesses: A perspective from Turkey. *Journal of Hospitality and Tourism Management*, 19(1), 31-47.
- Andriotis, K. (2000). Local community perceptions of tourism as a development tool: The Island of Crete. (Unpublished doctoral thesis). Boutnemouth University.
- Ardahaey, F.T. (2011). Economic impacts of tourism industry. *International Journal of Business and Management*, 6(8), 205-215.
- Avcikurt, C. (2003). Auditing managerial training needs of Turkish small and medium-sized hotel enterprises. *Managerial Auditing Journal*, 18(5), 399-404.
- Banki, M.N. & Ismail, H.N. (2015). Understanding the characteristics of family owned tourism micro businesses in mountain destinations in developing countries: Evidence from Nigeria. *Tourism Management Perspectives*, 13(1), 18-32.
- Briedenhann, J. & Wickens, E. (2004). Tourism routes as a tool for the economic development of rural areas: Vibrant hope or impossible dream? *Tourism Management*, 25(1), 71-79.
- Brohman, J. (1996). New directions in tourism for Third World development. *Annals of Tourism Research*, 23(1), 48-70.
- Bula, H.O. (2012). Evolution and theories of entrepreneurship: A critical review on the Kenyan perspective. *International Journal of Business and Commerce*, 1(11), 81-96.
- Chifamba, E. (2013). Confronting the challenges and barriers to community participation in rural development initiatives in Buhera District, Ward 12, Zimbabwe. *Journal of Agricultural Science*, 2(7), 138-149.
- Chiutsi, S. & Mudzengi, B.K. (2012). Community tourism entrepreneurship for sustainable tourism management in Southern Africa: Lessons from Zimbabwe. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2(8), 127-134.
- Chua, Y.P. (2006). *Research methods*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Cloesen, U. (2007). Entrepreneurship within rural tourism: A private walkway on banks peninsula, New Zealand. *Tourism*, 55(1), 81-91.
- Cole, S. (2006). Information and empowerment: The keys to achieving sustainable tourism. *Journal of Sustainable Tourism*, 14(6), 629-644.
- Eshliki, S.A. & Kaboudi, M. (2012). Community perception of tourism impacts and their participation in tourism planning: A case study of Ramsar, Iran. *ASEAN Conference on Environment-Behaviour Studies*, Bandung, 15-17 Jun 2012 (pp. 333-341). Indonesia: Procedia-Social and Behavioral Sciences.
- Faulkenberry, L.V., Coggeshall, J.M., Kenneth, B., & Backman, S. (2000). A culture of servitude: The impact of tourism and development on South Carolina Coast. *Human Organization*, 59(1), 86-95.

- Fons, M.V.S., Fierro, J.A.M., & Patino, M.G.Y. (2011). Rural tourism: A sustainable alternative. *Applied Energy*, 88(2), 551-557.
- Getz, D. & Petersen, T. (2005). Growth and profit oriented entrepreneurship among family business owners in the tourism and hospitality industry. *International Journal of Hospitality Management*, 24(2), 219-242.
- Goodwin, H. & Santilli, R. (2009). *Community-based tourism: A success?* Leeds, United Kingdom: GTZ.
- Gursoy, D. & Rutherford, G.D. (2004). Host attitudes toward tourism: An improved structural model. *Annals Tourism Research*, 31(3), 495-516.
- Guzman, T.L., Canizares, S.S., & Pavon, V. (2011). Community-based tourism in developing countries: A case study. *Tourismos: An International Multidisciplinary Journal of Tourism*, 6(1), 69-84.
- Haley, A.J., Snaith, T., & Miller, G. (2004). The social impacts of tourism: A case study of Bath, U.K. *Annals of Tourism Research*, 32(3), 647-668.
- Ibrahim, Y. (2006). *Komuniti Melayu Pulau Tioman: Isu dan cabaran dalam konteks pembangunan pelancongan*. *Jurnal Melayu*, 2(1), 141-153.
- Ibrahim, Y. (2007). Komuniti pulau dalam era pembangunan: Terpinggir atau meminggir? *Akademika*, 70(1), 57-76.
- Ibrahim, Y. & Abdul Razzaq, A.R. (2010). Homestay program and rural community development in Malaysia. *Journal of Ritsumeikan Social Sciences and Humanities*, 1(2), 7-24.
- Jaafar, M., Dahalan, N., & Mohd Rosdi, S.A. (2014). Local community entrepreneurship: A case study of The Lenggong Valley. *Asian Social Science*, 10(10), 226-235.
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. (2014). Dimuat turun daripada <http://www.motac.gov.my/>
- Kim, K. (2002). The effects of tourism impacts upon quality of life of residents in the community. (Tesis Ph.D tak diterbitkan). State University, Virginia.
- Koh, K. & Hatten, T.S. (2002). The tourism entrepreneur. *International Journal of Hospitality & Tourism Administration*, 3(1), 21-48.
- Kokkranikal, J, McLellan, R., & Baum, T. (2003). Island tourism and sustainability: A case study of The Lakeshadweeps Islands. *Journal of Sustainable Tourism*, 11(5), 426-447.
- Lerner, M. & Haber, S. (2000). Performance factors of small tourism ventures: The interface of tourism, entrepreneurship and the environment. *Journal of Business Venturing*, 16(1), 77-100.
- Liu, A. (2006). Tourism in rural areas: Kedah, Malaysia. *Tourism Management*, 27(5), 878-889.
- Lordkipanidze, M. (2002). Enhancing entrepreneurship in rural tourism for sustainable regional development. Dimuat turun daripada <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.198.9732&rep=rep1&type=pdf>
- Lordkipanidze, M., Brezet, H., & Backman, M. (2005). The entrepreneurship factor in sustainable tourism development. *Journal of Cleaner Production*, 13(8), 787-798.

- Magigi, W. & Ramadhani, H. (2013). Enhancing tourism industry through community participation: A strategy for poverty reduction in Zanzibar, Thanzania. *Journal of Environmental Protection*, 4(10), 1108-1122.
- Majlis Daerah Besut. (2016). Pulau Perhentian. Dimuat turun daripada <http://mdb.terengganu.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/pulau-perhentian/page/0/1>
- Mapjabil, J., Yusoh, M.P., Mohd Zainol., R., & Marzuki, M. (2015). Transformasi pembangunan pelancongan selam skuba di Pulau Mabul, Sabah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 1(1), 32-51.
- Morrison, A. & Teixeira, R. (2004). Small business performance: A tourism sector focus. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 11(2), 166-173.
- Okazaki, E. (2008). *A Community-based tourism model: Its conception and use. Journal of Sustainable Tourism*, 16(5), 511-529.
- Reinard, J. (2001). *Introduction to communication research* (3rd ed.). New York: McGraw Hill.
- Satarat, N. (2010). *Sustainable management of community-based tourism in Thailand*. (Tesis Ph.D tidak diterbitkan). National Institute of Development Administration, Bangkok, Thailand.
- Scheyvens, R. (2000). Promoting women's empowerment through involvement in ecotourism: Experiences from the Third World. *Journal of Sustainable Tourism*. 8(3), 232-249.
- Schumpeter, J.A. (1934). *The theory of economic development*. US: Harvard University Press.
- Sharma, Y. (2013). Women entrepreneurship in India. *Journal of Business and Management*, 15(3), 9-14.
- Sharpley, R. & Forster, G. (2003). The implications of hotel employee attitudes for the development of quality tourism: The case of Cyprus. *Tourism Management*, 24(6), 687-697.
- Sheldon, P., Knox, J., & Lowry, K. (2005). Sustainable tourism in mature mass destinations: The case of Hawaii. *Tourism Review International*, 9(1), 47-59.
- Storey, D.J. & Greene, F.J. (2010). *Small business & entrepreneurship*. UK: Trans-Atlantic Publications.
- Surugiu, C. (2009). Development of rural tourism through entrepreneurship. *Journal of Tourism*, 8(8), 65-72.
- Szivas, E. (2001). Entrance into tourism entrepreneurship: A UK case study. *Tourism and Hospitality Research*, 3(2), 173-172.
- Tao, T.C.H. & Wall, G. (2009). Tourism as a sustainable livelihood strategy. *Tourism Management*, 30(1), 90-98.
- Tatoglu, E., Erdal, F., Ozgur, H., & Azakli, S. (2000). Resident perception of the impacts of tourism in a Turkish resort town. Dimuat turun daripada [http://www.opf.slu.cz/vvr/akce/turecko/pdf/Tatoglu.pdf\(2\)](http://www.opf.slu.cz/vvr/akce/turecko/pdf/Tatoglu.pdf(2))
- Tosun, C. & Timothy, D.J. (2003). Arguments for community participation in the tourism development process. *Journal of Tourism Studies*, 14(2), 2-15.
- Tourism Planning Research Group. (2015). Study on the repositioning of Pulau Perhentian as a premier ecotourism destination. Dimuat turun daripada

<http://www.dmpm.nre.gov.my/images/webuser/docs/Laporan%20Akhir%20PERHENTIAN%20Ecotourism%20plan%20BM.pdf>

Unit Perancang Ekonomi. (2010). Dimuat turun daripada <http://www.epu.gov.my/epu-theme/RMKE10/img/pdf/bm/bab3.pdf>

Uriely, N., Yonay, Y., & Simchai, D. (2002). Backpacking experiences: A type and form analysis. *Annals of Tourism Research*, 29(2), 519-537.

Vehbi, B.O. (2012). A model for assessing the level of tourism impacts and sustainability of coastal cities in strategies for tourism industry-micro and macro perspectives. Croatia: INTECH Publishing.

Yusof, R. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial (Social Science Research)*. Pahang, Malaysia: PTS Publications & Distributors.

Zaei, M.E. & Zaei, M.E. (2013). The impacts of tourism industry on host community. *European Journal of Tourism Hospitality and Research*, 1(2), 12-21.